

12/10/2002

Persatuan Pesara rayu diberi imbuhan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, akan merayu supaya pesara diberi imbuhan atau wang ehsan berikutan keputusan kerajaan untuk tidak memberi bonus kepada golongan itu.

Presidennya, Tan Sri Abdullah Ayub, berkata pihaknya sedih dengan keputusan itu tetapi akan merayu supaya pesara menikmati ganjaran terutama sebagai persiapan menghadapi musim perayaan.

Katanya, pihaknya sudah pun menghantar surat rayuan berhubung permohonan bonus itu, tetapi sehingga kini tiada jawapan.

"Saya hanya tahu mengenai keputusan kerajaan melalui akhbar hari ini," katanya ketika dihubungi Berita Harian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat bulan lalu, mengumumkan pemberian bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 bagi menghargai sumbangan kakitangan awam.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan pula berkata, bonus itu akan dibayar pada bulan ini dan Disember.

Kenyataan itu tidak menyebut sama ada pesara kerajaan akan turut menikmati bonus tahun ini, tetapi semalam, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Saleh, menjelaskan kerajaan tidak akan memberi sebarang ganjaran atau bonus kepada pesara.

Tahun lalu, pesara tidak diberi bonus tetapi 280,000 pesara menikmati imbuhan RM200, iaitu pemberian selepas pembentangan Bajet 2002 berikutan rungutan kumpulan itu.